# DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA MUDA , KEDAH 2035
(PENGGANTIAN)

## RINGKASAN EKSEKUTIF





# Prakata

RANCANGAN TEMPATAN

# DAERAH KUALA MUDA KEDAH

2035

*R i n g k a s a n E k s e k u t i f* **Rancangan Tempatan Daerah Kuala Muda, Kedah** ini mengandungi petikan daripada Laporan Draf Rancangan Tempatan Daerah Kuala Muda 2035. Segala penjelasan dan perincian lanjut perlu merujuk kepada laporan Draf Laporan Draf Rancangan Tempatan Daerah Kuala Muda 2035.

Rancangan Tempatan Daerah Kuala Muda mengandungi:

- **Penyataan Bertulis** yang mentafsirkan dasar dan cadangan umum Rancangan Struktur Negeri Kedah dan menterjemahkan semua cadangan pembangunan gunatanah fizikal secara bertulis untuk menjelaskan cadangan-cadangan yang terdapat di dalam Peta Cadangan Guna Tanah.

- **Pelan Subjek** menunjukkan pelan cadangan pembangunan secara terperinci mengikut sektor-sektor pembangunan tertentu.

- **Pelan Sisipan** menunjukkan pelbagai cadangan pembangunan yang terdapat di dalam pelan subjek secara lebih terperinci melalui gambaran perspektif, ilustrasi, keluasan, lokasi dan sebagainya.

- **Peta Cadangan Guna Tanah** yang mengandungi cadangan pembangunan gunatanah dan fizikal secara terperinci mengikut lot.

- **Jadual Kelas Kegunaan Tanah** menerangkan jenis dan aktiviti kegunaan tanah utama dan bangunan yang dibenarkan, gunatanah lain yang dibenarkan dengan syarat dan di setiap zon guna tanah yang ditunjukkan di atas Peta Cadangan Kegunaan Tanah. Jadual ini disediakan mengikut Syit Peta Indeks Jabatan Ukur.

# ISI KANDUNGAN


PENGENALAN 3

01 PROSES PENYEDIAAN RT 4

02 PROFIL KAWASAN 5

03 GUNA TANAH SEMASA 2017 6

04 CABARAN PEMBANGUNAN 9

05 MATLAMAT PEMBANGUNAN 10

06 KONSEP PEMBANGUNAN 11

07 CADANGAN PEMBANGUNAN 12

08 PETA CADANGAN GUNA TANAH 2035 39

# PENGENALAN

Rancangan Tempatan Daerah Kuala Muda 2035 (Penggantian) disediakan mengikut peruntukan Seksyen 16 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Ianya akan menggantikan Rancangan Tempatan Kuala Muda 2020. Rancangan Tempatan (RT) merupakan satu dokumen rasmi yang menterjemahkan dasar-dasar dan cadangan umum yang terkandung di dalam Rancangan Struktur Negeri kepada bentuk fizikal yang lebih terperinci.



## KEPERLUAN PENYEDIAAN RT KUALA MUDA 2035

1. Menggantikan Rancangan Tempatan Daerah Kuala Muda 2020 sedia ada telah hampir tamat tempoh perancangan.
2. Berlaku perubahan ketara dalam corak dan permintaan semasa pasaran dan ekonomi setempat dan peringkat nasional.
3. Berlaku perubahan justifikasi, petunjuk dan maklumat unjuran pembangunan yang terdahulu.
4. Rancangan Tempatan terdahulu telah mengalami pengubahan sebanyak dua kali pada 2016 dan 2017.
5. Mengenal pasti keperluan pembangunan akan datang dari segi penyediaan kemudahan, utiliti, sistem pengangkutan dan halatuju pembangunan fizikal dan ekonomi menjelang 2035.

# PROSES PENYEDIAAN RT

## PERINGKAT 1 — MOBILISASI

- PUBLISITI AWAL (Seksyen 12A)
- ASAS TERMA RUJUKAN
- PELANTIKAN PERUNDING
- PENYEDIAAN PETA ASAS

## PERINGKAT 2 — PENYEDIAAN DRAF RT

- PENYEDIAAN LAPORAN PENDEKATAN KAJIAN
- PENYEDIAAN LAPORAN ANALISIS DAN STRATEGI PEMBANGUNAN (LASP)
- PENYEDIAAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN (PENGGANTIAN) (SEKSYEN 16(3)

## PERINGKAT 3 — PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM

- PUBLISITI DAN PENYERTAN AWAM (SEKSYEN 13) — *Peringkat Sekarang*
- LAPORAN SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN AWAM BERKENAAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN (PENGGANTIAN) (SEKSYEN 14)

## PERINGKAT 4 — PEWARTAAN DAN PEMBATALAN RT

- KELULUSAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN (PENGGANTIAN) (SEKSYEN 15(1)
- PERSETUJUAN RANCANGAN TEMPATAN (PENGGANTIAN) OLEH PBN (SEKSYEN 15(1C)
- PEWARTAAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUALA MUDA 2035 (PENGGANTIAN) (SEKSYEN 15(4)

# PROFIL KAWASAN

## KUALA MUDA 2035




**Keluasan Daerah**
**92,835.39**
**Hektar**

**9.81% daripada keseluruhan keluasan Negeri Kedah**

**Jumlah penduduk 2017**
**507,700**
**orang**

**23.33% daripada keseluruhan penduduk Kedah**

**16**
**BLOK PERANCANGAN**

**Unjuran penduduk 2035**
**857,730**
**orang**

**26.4% daripada keseluruhan unjuran penduduk Kedah pada tahun 2035 (3.163 juta penduduk)**



# GUNA TANAH SEMASA 2017




| Gunatanah | Keluasan (Hektar) | |
|---|---|---|
| | Semasa 2017 | % |
| Perumahan | 6,226.08 | 6.71 |
| Komersial | 531.33 | 0.57 |
| Industri | 1,857.16 | 2.00 |
| Institusi dan Kemudahan Masyarakat | 2,014.54 | 2.17 |
| Tanah Lapang dan Rekreasi | 1,353.61 | 1.46 |
| Pengangkutan | 4,873.58 | 5.25 |
| Infrastruktur dan Utiliti | 2,011.10 | 2.17 |
| Pertanian | 53,981.17 | 58.15 |
| Tanah Kosong | 3,800.29 | 4.09 |
| Badan Air | 3,181.38 | 3.43 |
| Hutan | 12,921.79 | 13.92 |
| Pantai | 83.35 | 0.09 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **92835.39** | **100.00** |

## RANCANGAN STRATEGIK RFN 3



1 Bandar Sungai Petani termasuk di dalam **Zon Promosi Pembangunan (ZPP)** Sungai Petani yang merupakan kawasan potensi ekonomi, galakan pembangunan dan pertumbuhan penduduk yang pesat.

2 Daerah Kuala Muda mempunyai dua buah **stesen ETS iaitu Sungai Petani dan Gurun**.

3 Persisiran Pantai Kuala Muda merupakan **kawasan berkepentingan burung** dan juga tapak persinggahan bagi ribuan burung pada setiap musim.

Sumber: Rancangan Fizikal Negara 3






Sumber: Draf RSN Kedah 2035

## RSN – PELAN STRATEGIK GUNA TANAH DAERAH KUALA MUDA

### Kawasan Pertumbuhan
- Zon Perbandaran Utama
- Zon Perbandaran Sekunder

### Zon Pengurusan Khazanah
- Jerai Geopark
- Badan Air
- Zon Perlindungan Persisiran Pantai

### Cadangan Pengangkutan
- Cadangan Lebuhraya
- Cadangan Lapangan Terbang

### Kawasan Pembangunan Biodiversiti
- Hutan Simpan Kekal
- Hutan

### Zon Pertanian
- Zon Pengeluaran Produk Makanan
- Zon Pengeluaran Pertanian

# Signifikan
Kuala Muda di dalam Negeri Kedah

## ASET PEMBANGUNAN

1 **Hub industri** di Daerah Kuala Muda akan menjadi pemangkin kepada daya saing ekonomi dan pelaburan dengan penggunaan teknologi pintar dan ICT.

2 Mempunyai Kompleks Arkeologi Lembah Bujang dan Tapak Arkeologi Sungai Batu yang menjadi **sumber warisan arkeologi dan aset** kepada Daerah Kuala Muda.

3 Mempunyai **Ikon pelancongan bertaraf antarabangsa** Gunung Jerai, Sungai Merbok, Arkeologi Lembah Bujang, Arkeologi Sungai Batu, Kota Kuala Muda, Pulau Sayak, Tanjung Dawai dan Pantai Merdeka.

4 Kawasan **jelapang padi yang luas** yang memberi perkhidmatan ekosistem terhadap persekitaran seperti zon penampan semulajadi.

5 Terdapat kawasan **kesediaan tanah sebanyak 54% dari keseluruhan daerah** yang sesuai untuk pembangunan untuk masa hadapan.

6 Jaringan aksesibiliti yang komprehensif ke daerah ini dengan kawasan bersempadan.

















# CABARAN PEMBANGUNAN

## EKONOMI

Daya saing perindustrian di Daerah Kuala Muda terancam dengan **kepesatan pembangunan industri di daerah bersebelahan** seperti Kulim Hi-Tech dan perindustrian di Butterworth dan Pulau Pinang.

**Penggunaan ICT yang masih belum optimum** perlu diberi perhatian selari dengan cabaran dan urbanisasi Daerah Kuala Muda.

Pelancongan tidak kompetitif. **Kualiti produk pelancongan masih bertaraf tempatan** dengan penawaran destinasi, produk dan program pelancongan yang terhad.

**Terdapat kawasan terbiar** yang ditinggalkan dan usang di Bandar Sungai Petani .

**Keperluan tenaga mahir yang ramai dalam proses peralihan kepada ekonomi baru dan pengetahuan.** (sumber manusia berkemahiran digital dan berteknologi tinggi).

## KUALITI KEHIDUPAN

**Bilangan murid yang tinggi** dan terdapat kawasan petempatan yang terletak **di luar tahap kemudahsampaian antara perumahan dan sekolah** seperti di Bandar Puteri Jaya dan Ambangan Height.

**Perkhidmatan bas henti-henti tidak menyeluruh ke seluruh kawasan** Daerah Kuala Muda terutamanya di kawasan perkampungan kerana perkhidmatan bas hanya melalui jalan-jalan utama.

Pembangunan di **rizab sungai yang tidak diberi perhatian** untuk dijadikan sebagai kawasan landskap dan rekreasi.

Impak **konflik penduduk di kawasan perumahan** yang berhampiran dengan kawasan industri.

**Tiada kemudahan kompleks sukan/ trek sintetik/ extreme park** sebagai tempat tumpuan belia bersukan.

**Kurangnya 'placemaking' area** di kawasan Bandar Sungai Petani.

## ALAM SEKITAR



**Kualiti air sungai** di Sungai Petani dan **kualiti air marin** di Pantai Merdeka adalah **tercemar**.

***Localised drainage system*** di kawasan tumpuan pembangunan yang **kurang sistematik, tidak bersepadu dan mempunyai aliran kapasiti yang rendah** menyebabkan sebahagian besar kawasan perbandaran terdedah dengan fenomena banjir.



**Hakisan pantai** di beberapa jajaran pantai seperti di Tanjung Dawai dan pantai Merdeka mempengaruhi kualiti persekitaran iaitu kawasan rekreasi untuk penduduk tempatan.

Pelaksanaan yang masih minima dari aspek teknologi hijau di dalam pengurusan sisa seperti masih **kekurangan *connected services* bagi sistem pembetungan** dan **kekurangan aplikasi 3R** dalam pengurusan sisa pepejal.

**Terdapat zon berisiko tsunami** yang perlu diberi perhatian kerana ia melibatkan penduduk.

# MATLAMAT PEMBANGUNAN

MEMBANGUNKAN DAERAH KUALA MUDA SEBAGAI DAERAH **BERDAYA HUNI, BERDAYA MAJU, MAMPAN** dan **PINTAR**




Daerah yang mempunyai penduduk yang aktif dengan **pelbagai aktiviti**, dan mempunyai dimensi pembangunan **komuniti sejahtera** dan persekitaran yang **selamat.**

Daerah yang berkemampuan untuk **maju dan berkembang** terutamanya dalam bidang ekonomi.

Memastikan pembangunan daerah diuruskan **secara teratur** dengan mengambilkira keperluan **mengimbangi** pembangunan **perbandaran** dengan pemeliharaan **alam sekitar** dan sumberjaya **semulajadi.**



# KONSEP PEMBANGUNAN




**Petunjuk**

- Zon Perbandaran
- Zon Pengurusan Sumber Semulajadi
- Zon Pengurusan Khazanah
- Zon Warisan Arkeologi
- Zon Pengeluaran Makanan
- Zon Pengeluaran Pertanian
- Zon Akuakultur
- Geosite Jerai
- Badan Air
- Rizab Sungai

Hierarki Pusat Petempatan

- Bandar Utama
- Bandar Tempatan
- Pusat Perkhidmatan Luar Bandar
- Kawasan Perindustrian Utama

- Zon Eko Pelancongan
- Zon Pelancongan Warisan –Arkeologi
- Zon Pelancongan Warisan -Sejarah
- Zon Pelancongan Hospitaliti - Membeli Belah, Sukan, Kesihatan, Pendidikan
- Zon Pelancongan Antarabangsa

- Stesen Keretapi
- Jeti Bot Pelancongan
- Cadangan Lebuhraya
- Cadangan Persisiran Pantai
- Lebuhraya
- Jalan
- Laluan Keretapi
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri

# CADANGAN PEMBANGUNAN

| Teras | Teras Pembangunan | Objektif | Tindakan |
|---|---|---|---|
| TERAS 1 | Pembangunan Masyarakat Sejahtera | 5 | 18 |
| TERAS 2 | Pembangunan Ekonomi Berdaya Saing | 9 | 23 |
| TERAS 3 | Persekitaran Sihat dan Selamat | 10 | 25 |
| TERAS 4 | Pengurusan Sumber Mampan dan Hijau | 7 | 23 |

**31** OBJEKTIF

**89** TINDAKAN



# PEMBANGUNAN MASYARAKAT SEJAHTERA

# TERAS 1

## 2 Membangunkan dan Memperkukuhkan Fungsi Pusat Perkhidmatan Luar Bandar (PPLB)

1) Membangunkan Pusat Perkhidmatan Luar Bandar (PPLB) Terpilih
2) Program Pembangunan Ekonomi Usahawan Desa

## 1 Menyediakan Keperluan Perumahan yang Mencukupi,Terancang, Berkualiti dan Mampu Milik

1) Perluasan Kawasan Perumahan Baharu
2) Perumahan Mampu Milik
3) Pembangunan Perumahan Rakyat *Smart Housing*
4) Konsep Perumahan Kejiranan Hijau dan Selamat
5) Program Skim Smart-Sewa



## 3 Meningkatkan Kualiti Hidup dengan Membangunkan Kemudahan Sosial yang Inklusif

1) Membina Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Baharu
2) Menaiktaraf dan Membina Kemudahan Kesihatan Baharu
3) Membina Balai Polis dan Balai Bomba Baharu
4) Perluasan Kemudahan Tanah Perkuburan Islam
5) Membina Kemudahan Komuniti Baharu

## 4 Meningkatkan Aksesibiliti Inter dan Intra Daerah serta Mobiliti di Kawasan Bandar

1) Pembangunan Jalan Baru dan Naik Taraf Jalan
2) Menaiktaraf Persimpangan
3) Membina Lapangan Terbang Antarabangsa KXP

## 5 Membangunkan Pengangkutan Awam yang Berkesambungan (*Seamless*) dan Efisien

1) Pembangunan Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu Sungai Petani (SP Sentral)
2) Meningkatkan Aksesibiliti Pengangkutan Awam Ke Stesen Rel (First And Last Mile)
3) Menyediakan Perkhidmatan Bas Henti-henti

# TINDAKAN 1

## PERLUASAN KAWASAN PERUMAHAN BAHARU

Cadangan kawasan perumahan baharu ini adalah untuk semua lapisan masyarakat bagi menjamin keperluan perumahan menjelang tahun 2035. Perancangan perumahan ini juga mengambilkira limpahan pembangunan daripada negeri bersebelahan iaitu Negeri Pulau Pinang yang akan membuat Daerah Kuala Muda lebih berkembang maju dan berdaya huni.

Keluasan Sedia Ada
**6,226.08** Hektar

Pertambahan Keluasan Cadangan
**14,639.67** Hektar

Jumlah Kawasan
**20,865.75** Hektar




**Petunjuk**

- Perumahan Sedia Ada
- Cadangan Perumahan Baharu

# TINDAKAN 2

## PENGAPLIKASIAN KONSEP PERUMAHAN KEJIRANAN HIJAU, SELAMAT DAN PINTAR

Konsep Perumahan Kejiranan Hijau dan Selamat perlu diterapkan dalam pembangunan perumahan awam pada masa akan datang dalam membentuk sebuah komuniti yang selamat dan mampan.

- Penyediaan lampu jalan LED yang cukup untuk memberi pencahayaan yang baik
- Penyediaan kawasan bagi Kebun Komuniti (*Community Farm*)
- Pengurusan sisa pepejal berteraskan Konsep 3R
- Penyediaan sistem keselamatan yang tinggi dilengkapi dengan *Panic Button*
- Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) dan Sistem Pendinginan Berpusat



- Penggunaan solar panel di bumbung rumah





- Sistem kawalan yang lengkap dengan kemudahan CCTV
- Landskap di sepanjang laluan pejalan kaki/basikal diberi penekanan dan landskap lembut yang boleh memberikan teduhan
- Persekitaran yang dikelilingi hijau dan penyediaan ruang awam yang optimum



- *Penggunaan Smart meter* bagi memantau rekod penggunaan tenaga di rumah

# TINDAKAN 3

## MEMBINA SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH BAHARU

**Sekolah Rendah**

Lokasi Keperluan Sekolah Rendah Baharu:

I. Batu Empat Gurun
II. Bedong
III. Amanjaya
IV. Bandar Puteri Jaya 1
V. Bandar Puteri Jaya 2

**Sekolah Menengah**

Lokasi Keperluan Sekolah Menengah Baharu:

I. Bedong
II. Ambangan Height
III. Bandar Puteri Jaya
IV. Bukit Banyan




# TINDAKAN 4

## MENAIKTARAF DAN MEMBINA KEMUDAHAN KESIHATAN BAHARU

**Cadangan baharu :**

a) Pusat Kanser Wilayah Utara,Sungai Petani
b) Bangunan ACC dan Hemodialisis di Hospital Sungai Petani Lama (roboh dan bina baharu)
c) Klinik Kesihatan Bandar Puteri Jaya
d) Klinik Kesihatan Gurun
e) Klinik Pergigian Bergerak Daerah Kuala Muda

**Cadangan menaiktaraf :**

a) Naik Taraf Wad 4 sedia ada kepada NICU dan SCN serta Dewan Bedah sedia ada kepada Dewan Bersalin
b) Klinik Kesihatan Bandar Sungai Petani Je 2 (gantian penuh) Daerah Kuala Muda.



# TINDAKAN 5

## MEMBINA BALAI POLIS DAN BALAI BOMBA BAHARU

**Balai Polis Baharu**

a. Balai Polis Sungai Petani
b. Balai Polis Bandar Puteri Jaya
c. Balai Polis Batu Lima
d. Balai Polis Padang Lembu

**Balai Bomba dan Penyelamat Baharu**

a. Balai Bomba dan Penyelamat Gurun
b. Balai Bomba dan Penyelamat Tanjung Dawai
c. Balai Bomba Bandar Puteri Jaya






# TINDAKAN 6

## PEMBANGUNAN JALAN BAHARU DAN NAIK TARAF JALAN

**I. Cadangan Jalan Baharu**

- Lebuhraya = 29.26km
- Rizab 40m = 63.20km
- Rizab 30m = 73.97km
- Rizab 20m = 9.90km

**Jumlah = 176.33 km**

**II. Cadangan Naiktaraf Jalan**

- Rizab 40m = 106.44km
- Rizab 30m = 23.16km
- Rizab 20m = 10.68km

**Jumlah = 93.96 km**

1. North SP Link
2. Lebuhraya NKE
3. Central SP Link
4. Jalan Persisiran Pantai
5. South SP Link



# TINDAKAN 7

## MEMBINA LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA (KXP)

Cadangan membangunkan sebuah lapangan terbang dengan kemudahan kargo yang lengkap.




**Airside**

- Kawasan *Apron*
- Bangunan satelit
- Kompleks-kompleks kargo
- Kawasan penyelenggaraan pesawat
- Kawasan penyimpanan
- Kawasan transit kargo-kargo
- Kawasan kemudahan sokongan berkaitan aktiviti lapangan terbang (*Non public facilities*) seperti *Navigational Aids* dan *Airport Fire and Rescue Services (AFRS)*

**Landside**

- Pusat logistik dan kemudahan-kemudahan sokongan







# TINDAKAN 8

## MEMBINA TERMINAL PENGANGKUTAN AWAM BERSEPADU SUNGAI PETANI

Cadangan Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu Sungai Petani meliputi:

- Stesen Keretapi Sungai Petani
- Terminal Bas Ekspres Sungai Petani
- Stesen Bas Henti-henti Sungai Petani
- Perkhidmatan Teksi
- Park N Ride

Stesen Bas Henti-henti Sungai Petani sedia ada dipindahkan ke Jalan Market, bersebelahan Terminal Bas Ekspres Sungai Petani (tapak pasar yang akan dipindahkan).






# PEMBANGUNAN EKONOMI BERDAYA SAING

# TERAS 2

# PEMBANGUNAN EKONOMI BERDAYA SAING

OBJEKTIF & TINDAKAN T2

**1 Membangunkan Bandar yang Berdaya Saing dengan Hierarki dan Fungsi yang Jelas**

1) Membangunkan Bandar yang Berdaya Saing

**2 Menggalakkan Integrasi Penggunaan Tanah dan Pusat Transit**

1) Pembangunan Berasaskan Transit (TOD) Di Sungai Petani dan Gurun

**3 Membangunkan Taman Perindustrian Baharu Berkonsepkan Hijau dan Berteknologi Tinggi**

1) Pembangunan Taman Perindustrian PKNK Amanjaya
2) Pembangunan Halal Park Amanjaya
3) Pembesaran Kawasan Perindustrian Bukit Selambau
4) Pembangunan Taman Industri PKS Di Jeniang

**4 Penskalaan Kawasan Industri Sedia Ada**

1) Mengaktifkan Semula Industri Automotif Di Gurun
2) Pengindahan Kawasan Industri Dan Pembaikan Kemudahan Infrastruktur



**5 Membangunkan Kawasan Perniagaan Baharu yang Tertumpu dan Berdaya Maju**

1) Mengukuhkan Hierarki Kawasan Perniagaan
2) Memperluaskan Kawasan Perniagaan Sedia Ada
3) Pembangunan Kawasan Perniagaan Baharu
4) Pembangunan Kompleks Pasar Baharu
5) Penempatan Semula Gerai-gerai yang Berselerak ke Lokasi yang Sesuai

**6 Meningkatkan Produktiviti dan Inovasi Sektor Pertanian, Penternakan dan Perikanan**

1) Pengurusan Kawasan Padi Secara Estet Daerah Kuala Muda
2) Pembangunan Taman Kekal Pegeluaran Makanan (TKPM) Di Padang Lembu, Gurun
3) Pembangunan Ladang Ternakan Bersepadu Lembu Dan Kambing
4) Mewujudkan Zon Industri Akuakultur (ZIA) Sungai Merbok

**7 Mengukuhkan dan Mempelbagaikan Produk Penghasilan Industri Asas Tani dan Produk Hasil Laut**

1) Pengukuhan Dan Penambahan Produktiviti Industri Asas Tani
2) Pembangunan Pusat Pemasaran Hasil Laut Di Tanjung Dawai

**8 Mengantarabangsakan Pelancongan Semulajadi dan Warisan Arkeologi (Jerai Geopark)**

1) Membangunkan Jerai Geopark sebagai tapak warisan kebangsaan
2) Meningkatkan promosi pelancongan bertaraf antarabangsa

**9 Menaiktaraf Produk Pelancongan Tempatan**

1) Program 'Heritage Trail' Bandar Sungai Petani
2) Meningkatkan pengurusan pelancongan

# TINDAKAN 1

## TAMAN PERINDUSTRIAN BAHARU BERKONSEPKAN HIJAU DAN BERTEKNOLOGI TINGGI

### 1 Taman Industri PKS Di Jeniang

- **Lokasi** : Jeniang
- **Keluasan**: 6.18 Hektar
- **Jenis Industri:** Industri berasaskan sumber dan industri hasil pertanian dan makanan

### 2 Pembesaran Kawasan Perindustrian Bukit Selambau

- **Lokasi** : Bukit Selambau
- **Keluasan**: 43.02 Hektar
- **Jenis Industri:** Industri berasaskan sumber dan perkayuan

### 3 Taman Perindustrian PKNK Amanjaya

- **Lokasi** : Amanjaya
- **Keluasan**: 317.77 Hektar
- **Jenis Industri:** Industri pembuatan, pengilangan, elektrik dan elektronik (E&E)

### 4 Halal Park Amanjaya

- **Lokasi** : Amanjaya
- **Keluasan**: 108.93 hektar
- **Jenis Industri:** Industri pemprosesan hasil makanan dan pertanian, industri farmaseutikal




**Petunjuk**

Kawasan Industri

# TINDAKAN 2

## PENSKALAAN KAWASAN INDUSTRI SEDIA ADA

### 1 Mengaktifkan Semula Industri Automotif Di Gurun

Cadangan penskalaan adalah bagi merancakkan semula aktiviti kluster automobil seiring dengan Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0).

- **Lokasi** : Gurun
- **Klaster Industri:** Klaster industri berat, kejuruteraan dan automotif
- **Jenis industri:** Industri automotif dan berasaskan pengangkutan

### 2 Pengindahan Kawasan Industri dan Pembaikan Kemudahan Infrastruktur

Cadangan merangkumi penyediaan landskap yang menarik, penaiktarafan infrastruktur dan teknologi maklumat dan lain-lain.

- **Lokasi** : Kawasan Perindustrian Bakar Arang
- **Keluasan**: 204.05 hektar

- **Lokasi** : Kawasan Perindustrian Tikam Batu
- **Keluasan**: 32.41 hektar




**Petunjuk**

Kawasan Industri

# TINDAKAN 3

## PEMBANGUNAN KAWASAN PERNIAGAAN BAHARU

Cadangan Pembangunan Kawasan Perniagaan Baharu berkonsepkan inkubator perniagaan untuk meningkatkan kejayaan dan perkembangan di dalam perniagaan.




Perniagaan baharu akan dilengkapi dengan kemudahan, sumber,infrastruktur, dana dan bantuan perkhidmatan untuk membantu mereka menempatkan diri dalam pembangunan fasa pertama.

Program ini juga menyediakan saluran bantuan perniagaan dan kemudahan pejabat untuk perniagaan baharu.



**Lokasi :**Taman Kelisa Ria, Sungai Petani
**Keluasan:** 24.75 Hektar

# TINDAKAN 4

## PEMBANGUNAN KOMPLEKS PASAR BAHARU

Tapak pasar sedia ada akan dicadangkan untuk pembangunan **sebuah stesen bas henti-henti** bagi menambahbaik perkhidmatan pengangkutan awam di Sungai Petani menjelang tahun 2035.




Kompleks Pasar Baharu ini dibina bagi memastikan keselesaan peniaga dan pengunjung serta dilengkapi pelbagai kemudahan baharu.

**Lokasi :** Sungai Petani (Lot 529)
**Keluasan:** 1.3 Hektar



# TINDAKAN 5

## MEMBANGUNKAN JERAI GEOPARK SEBAGAI TAPAK WARISAN KEBANGSAAN

**Jerai Geopark** sebagai warisan kebangsaan akan dipromosikan sebagai destinasi pelancongan antrabangsa.

1. Gunung Jerai
2. Muzium dan Tapak Arkeologi Lembah Bujang
3. Tapak Arkeologi Sungai Batu
4. Sungai Merbok
5. Tanjung Dawai
6. Kota Kuala Muda

**Keistimewaan:**

- Geologi evolusi Gunung Jerai,
- Ketamadunan Kedah Tua
- Kepelbagaian pergunungan dan habitat bakau.
- 24 geotapak bernilai negeri dan kebangsaan
- 3 kompleks geoarkeologi
- 9 tapak sejarah dan budaya

**Keluasan:** 816 km² (daratan 501 km²).




# TINDAKAN 6

## MENINGKATKAN PROMOSI PELANCONGAN BERTARAF ANTARABANGSA

*Promosi Pakej Pelancongan Eco-Historical Trail*

- Promosi pelancongan eco-historical trail dengan cerita Kedah Tua seperti hikayat Mahawangsa dan Raja Bersiong.
- Penyediaan pakej pelancongan dan pemandu pelancong terlatih
- Menaiktaraf kemudahan di Tapak Arkeologi Sungai Batu
- Penyediaan pengangkutan awam dari Sungai Petani
- Penyediaan kalendar program dan aktiviti pelancongan secara berkala (bulanan)
- Penggunaan kaedah kod QR di papan tanda informasi produk pelancongan




**PETUNJUK**

- Pakej Pelancongan Pandu Pelancong
- Pakej Pelancongan Sungai Merbok *River Cruise*
- Pelancongan warisan
- Eko Pelancongan

# TINDAKAN 7

## MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN INOVASI SEKTOR PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

### 1 Taman Kekal Pegeluaran Makanan (TKPM)

- **Lokasi** : Pekan Padang Lembu, Gurun
- **Keluasan**: 16.16 Hektar
- **Deskripsi:** Inisiatif bagi menggalakkan pelaksanaan ladang buah-buahan berskala besar, komersil dan berteknologi tinggi oleh usahawan (sektor swasta)




### 2 Pengurusan Kawasan Padi Secara Estet Daerah Kuala Muda

- **Lokasi** : Kawasan Sawah Padi Daerah Kuala Muda
- **Keluasan**: 8,865.97 Hektar
- **Deskripsi:** Pembangunan sistem pengairan tersier di kesemua blok pengairan kawasan padi di Daerah Kuala Muda bagi meningkatkan produktiviti hasil padi.

### 3 Zon Industri Akuakultur (ZIA) Sungai Merbok

- **Lokasi** : Sungai Merbok
- **Deskripsi:** Program pengezonan kawasan tanah dan perairan untuk dibangunkan dengan projek akuakultur berskala komersial seperti ternakan ikan laut dalam kolam/tangki dan *sanctuary* udang.

### 4 Ladang Ternakan Bersepadu Lembu dan Kambing

- **Lokasi** : Sidam Kiri
- **Deskripsi:** Perusahaan ternakan secara bersepadu dan komersial menerusi program *smart farming.*

# TINDAKAN 8

## MEMPERLUASKAN *INTERNET COVERAGE* DAN MENINGKATKAN KAPASITI MENGIKUT ZON BERKEPENTINGAN DAERAH

Menjelang 2035, sasaran keluasan kawasan liputan internet bagi Daerah Kuala Muda adalah 100% (keseluruhan daerah). Walau bagaimanapun, hierarki wilayah/zon mengikut kapasiti internet adalah seperti di bawah :

- Zon berkepentingan daerah seperti pusat pentadbiran, perbandaran utama dan pusat komersial/industri utama : 100 mbps /4G LTE
- Kawasan pembangunan berskala sederhana : 50-100 mbps/4G/LTE
- Kapasiti Internet minima seluruh daerah : 8 mbps/3G

4G




- Kawasan Perkepentingan Daerah : Kapasiti Internet : 100 mbps
- Kawasan Pembangunan Daerah : Kapasiti Internet : 50 - 100 mbps
- Kawasan Lain Seluruh Daerah : Kapasiti Internet : 8- 50 mbps

# PERSEKITARAN SIHAT DAN SELAMAT

# TERAS 3

# PERSEKITARAN SIHAT DAN SELAMAT



## 1 Memastikan Penjagaan dan Pengurusan Kualiti Persekitaran

1) Program Kawalan Kualiti Air Sungai Petani dan Sungai Muda
2) Program Kawalan Pencemaran di Kawasan Perumahan, Perniagaan dan Perindustrian

## 2 Mengadaptasi Konsep 'Smart Environment'

1) Program Masyarakat Rendah Karbon Dan 'Eco-green'

## 3 Mengukuhkan Kerja Pengurusan Kawasan Berisiko Bencana

1) Program Pelan Kesiapsiagaan, Pemulihan dan Pengurusan Risiko Bencana

## 4 Mewujudkan Identiti dan *Sense of Welcoming*

1) Membina Gerbang Masuk Daerah Kuala Muda



## 5 Meningkatkan *Vibrancy* di Pusat Bandar Sungai Petani

1) Revitalise Bangunan Komersial Terbiar
2) Pembangunan River Of Life Sungai Petani
3) Pembangunan Taman Bandaran Sungai Petani (SP Green Lung)
4) Pembangunan SP Walk
5) Pengurusan Sirkulasi Lalulintas Dan Tempat Letak Kenderaan Pusat Bandar Cadangan Laluan Pejalan Kaki Dan Berbasikal Di Pusat Bandar Sungai Petani
6) Pemuliharaan Bangunan Warisan Dan Aktiviti Di Bandar Sungai Petani
7) Pemuliharaan Reka Bentuk Bangunan Kedai Lama Di Bandar Sungai Petani
8) Penyeragaman Reka Bentuk Perabot Bandar
9) Cadangan Peningkatan Identiti Dan Imej Landskap Bandar

## 6 Melaksanakan Program Bandar Selamat Selaras Dengan Garis Panduan Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)

1) Penerapan Elemen Bandar Selamat di Kawasan Tumpuan Awam

## 7 Menggalakkan Penghijauan, Pengindahan dan Kebersihan Bandar

1) Taman Eko-Rimba Gurun (Taman Wilayah)
2) *Pocket Park* setiap Bandar Tempatan

## 8 Membangunkan Kemudahan Sukan dan Rekreasi ke Arah Gaya Hidup Sihat (*Healthy Lifestyle*)

1) Membina Kompleks Sukan dan Taman Rekreasi Daerah Kuala Muda
2) Membina Kompleks Litar Sukan Bermotor Sungai Petani

## 9 Membangunkan Sistem Pembetungan Secara Bersepadu

1) Sistem Pembetungan Berpusat Serantau (Regional)
2) Program Penggantian Tandas Curah Kepada Individual Septic Tank (IST)
3) Pemakaian Garis Panduan Khusus Sistem Pembetungan Bagi Pembangunan Kawasan Bandar di Sepanjang Sungai Petani

## 10 Menguruskan Sisa Pepejal Secara Mampan dengan Pendekatan 3R dan Teknologi Hijau

1) Penambahbaikan Prasarana Pelupusan Sisa Pepejal
2) Meningkatkan Amalan 3R

# TINDAKAN 1

## MEMBINA GERBANG MASUK DAERAH KUALA MUDA

Cadangan gerbang masuk daerah melibatkan :

1) Gateway Tikam Batu (dari Seberang Perai Utara)
2) Gateway Gurun (Dari Yan)
3) Gateway Simpor Laut (Dari Yan)
4) Gateway Jeniang (Dari Sik)
5) Gateway Sidam Kiri (Dari Kulim)
6) Gateway Tg. Dawai (Dari Langkawi-Kuala Muda)
7) Gateway Pinang Tunggal (Dari Kulim)
8) Gateway Bukit Selambau
9) Gateway Bujang







# TINDAKAN 2

## PEMBANGUNAN TAMAN BANDARAN SUNGAI PETANI (*SP GREEN LUNG*)

Taman Jubli Perak dan Kelab Golf Sungai Petani disepadukan untuk dijadikan Taman Bandaran

- Menyediakan deretan pokok Jacaranda Mimosifolia dan Tabebuia Rosea sebagai *Tree Of Avenue*
- Penyediaan *trek jogging* dan berbasikal
- Penyediaan Gazebo, tempat duduk, taman permainan, *maze planting* dan *tree house*






**Petunjuk:**

1. Signage
2. Tree House
3. *Gazebo*
4. *Urban plaza*
5. Dataran Belia
6. Avenue
7. Seating Area

# TINDAKAN 3

## PEMBANGUNAN *RIVER OF LIFE* SUNGAI PETANI

River Of Life mengutamakan keperluan pengguna setempat dengan memberi tumpuan terhadap keseimbangan antara ruang bagi aktiviti aktif dan pasif dalam memberikan kepelbagaian ruang untuk aktiviti rehat, riadah dan bersosial.





Mini Park


Extreme Park


Playground


Open plaza


Promenade SP


Viewing tower


Pusat Informasi


Recreation Park

# TINDAKAN 4

## TAMAN EKO RIMBA GURUN (TAMAN WILAYAH)

Pembangunan berkonsepkan *nature (green corridor)* sebagai *green heart* untuk suasana *urban quality of life in nature.* Terletak di kaki Gunung Jerai yang mempunyai hutan semulajadi sebagai kawasan rekreasi dan menyediakan elemen rekreasi yang bersesuaian dengan sukan lasak.







**Petunjuk:**

1. Trek berbasikal
2. Kawasan perkhemahan
3. Trek pacuan ATV dan *Motocross*
4. Taman permainan
5. Tempat letak kereta
6. *Nature Forest (Preserve)*
7. Pintu masuk

**Lokasi :** Gurun
**Keluasan:** 90 Hektar

# TINDAKAN 5

## PEMBANGUNAN DAN PENSKALAAN POCKET PARK

*Pocket Park* yang dicadangkan adalah seperti di lokasi berikut:

1) Gurun
2) Bedong
3) Merbok
4) Jeniang
5) Sungai Lalang
6) Tikam Batu
7) Kota Kuala Muda
8) Bukit Selambau





# TINDAKAN 6

## MEMBINA KOMPLEKS SUKAN DAN REKREASI DAERAH KUALA MUDA

Kompleks Sukan dan Rekreasi Daerah Kuala Muda bakal menjadi mercutanda baharu dalam Pusat Bandar Kuala Muda dengan pelbagai kemudahan untuk masyarakat berekreasi.









**Petunjuk:**

1. Stadium
2. Gelanggang tertutup
3. Gelanggang terbuka
4. Komplek sukan
5. *Outdoor Gym*

**Lokasi :** Sungai Lalang
**Keluasan:** 290 Hektar

# TINDAKAN 7

## MEMBINA KOMPLEKS LITAR SUKAN BERMOTOR SUNGAI PETANI

Kompleks Litar Sukan Bermotor Sungai Petani akan dibina di Amanjaya yang menyediakan litar sepanjang 1.8 kilometer bertaraf antarabangsa.








**Petunjuk:**

1. Grand Stand
2. Litar Lumba
3. Pejabat Pengurusan
4. Fasiliti
5. Landskap Kompleks Litar Sukan

**Lokasi :** Amanjaya
**No Lot:** 7604/7605
**Keluasan:** 9295 Hektar

# PENGURUSAN SUMBER MAMPAN DAN HIJAU

TERAS 4

# PENGURUSAN SUMBER MAMPAN DAN HIJAU



## 1 Mengoptimum dan Meningkatkan Penggunaan Tanah yang Efisien

1) Pembangunan Zon Perbandaran Secara *Sequential Approach*
2) Cadangan Pembangunan Secara Infill di Bandar Sungai Petani

## 2 Menggalakkan Pengurusan Sumberjaya Semulajadi untuk Meningkatkan Penjagaan Kepelbagaian Biologikal

1) Pengezonan dan Pengurusan KSAS Sektoral dan Bersepadu
2) Pengurusan KSAS Mengikut Tahap

## 3 Menguruskan Sumber Warisan Arkeologi Secara Produktif Dan Efisien

1) Pengurusan Sumber Perhutanan Secara Mampan
2) Pengurusan Kawasan Persisir Pantai Bersepadu
3) Pelan Pengurusan Pemuliharaan Warisan Arkeologi di Lembah Bujang dan Sungai Batu



## 4 Menguruskan Sumber dan Bekalan Air Secara Mampan

1) Menaiktaraf Loji Rawatan Air (LRA) Sediada
2) Meningkatkan Kapasiti Simpanan Air Bersih
3) Membina Rangkaiaan Paip Baru Untuk Agihan Air Bersih, Kuala Muda 2035
4) Membina Off River Storage Sungai Merbok
5) Inisiatif dan Langkah Ke Arah Penurunan Penggunaan Air Perkapita Harian

## 5 Meningkatkan Kecekapan Penggunaan Tenaga

1) Mempertingkatkan Bekalan 11KV ke Kawasan-kawasan Permintaan Tenaga Elektrik Tinggi

## 6 Meningkatkan Keupayaan dan Kecekapan Sistem Saliran dan Perparitan

1) Naik Taraf dan Penambahbaikan Fizikal Serta Program Penyelenggaraan Intensif/Bersepadu Beberapa Sungai Kritikal Saliran
2) Pembinaan Pintu Kawalan Pasang Surut Sungai Sungai Petani
3) Penguatkuasaan Pemasangan Perangkap Ssisa Makanan, Minyak dan Gris serta Trash Screen pada Semua Outlet Memasuki Sungai Petani
4) Cadangan Loji Rawatan Biologi Air Sisa
5) Memperluaskan dan Pematuhan Konsep Rekabentuk Saliran Berasaskan MSMA, Control At Source, On-site Detention (OSD) dan Sistem Penuaiaan Air Hujan (SPAH)
6) Menguna Pakai Rekabentuk Sistem Saliran Bio-ekologikal (Bioecods)
7) Membina Kolam Takungan Banjir Komuniti Untuk Bandar Sungai Petani
8) Pembangunan River Mouth Di Muara Sungai Merbok
9) Membangunkan Sistem Ramalan Dan Amaran Banjir Bersepadu (E-banjir) bagi Lembangan Sungai Merbok

## 7 Meningkatkan Infrastruktur Digital

1) Memperluaskan *Internet Coverage* dan Meningkatkan Kapasiti Mengikut Zon Berkepentingan Daerah

# TINDAKAN 1

## PENGEZONAN DAN PENGURUSAN KSAS SEKTORAL DAN BERSEPADU

Sempadan KSAS sektoral perlu diiktiraf oleh agensi berkaitan untuk menaiktaraf status KSAS yang boleh dirujuk sebagai indikator pembangunan mampan.

**Petunjuk**

**Bernilai Warisan**
- Hutan Simpanan Kekal
- Tapak sejarah dan tapak arkeologi

**Berisiko Bencana**
- Sungai
- Tanah Tinggi dan Pergunungan
- Kawasan Dataran Banjir
- Persisiran Pantai
- Kawasan Risiko Tsunami

**Bernilai Sokongan Hidup**
- Telaga Tiub
- Tenaga dan Bahan Binaan
- Makanan Asas (Padi)




### KSAS Bersepadu dan Sektoral di Daerah Kuala Muda

| KSAS Bersepadu | KSAS Sektoral | Kedapatan Sumberjaya |
|---|---|---|
| **Bernilai warisan** | Kawasan Perhutanan | 4 HSK (11,051 hek) |
| | Tapak Sejarah dan Tapak Arkeologi | Tapak arkeologi di Geotapak Jerai (keluasan keseluruhan 816 kilometer persegi dengan keluasan daratan 501 kilometer persegi.) |
| **Berisiko Bencana** | Badan Air (Sungai) | Sungai Merbok & Sungai Muda |
| | Tanah Tinggi dan Pergunungan | Kawasan pergunungan Jerai |
| | Kawasan Dataran Banjir | Kawasan berhampiran jajaran Sungai Merbok & tanah rendah |
| | Persisiran Pantai | Jajaran pantai. (27 km) yang mempunyai tahap hakisan yang berbeza |
| | Zon Risiko Tsunami | Persisiran pantai di Kuala Muda (300 meter dari paras tertinggi air pasang perbani) |
| | Tanah Mendap | Kawasan pantai, bendang dan sungai |
| **Bernilai Sokongan Hidup** | Air Bersih | Bahagian hulu Sungai Merbok & Sungai Muda serta telaga tiub bawah tanah |
| | Tenaga dan Bahan Binaan | Taburan beberapa lokasi yang menyimpan bijih besi, manganese dan nioblium-tantalum. |
| | Makanan Asas | Kawasan padi |

# TINDAKAN 2

## PENGURUSAN KSAS MENGIKUT TAHAP

Pengurusan KSAS mengikut tahap adalah dengan merancang guna tanah mengikut kesesuaian tahap KSAS dan diintegrasikan dengan perancangan gunatanah keseluruhan.

**TAHAP KSAS**

- **Tahap 1** — Kawasan Perlindungan Penuh
- **Tahap 2** — Kawasan Pembangunan Terhad
- **Tahap 3** — Kawasan Pembangunan Terkawal




**Petunjuk**

- KSAS Tahap 1
- KSAS Tahap 2
- KSAS Tahap 3
- Luar KSAS

| KSAS Sektoral | Tahap 1 | Tahap 2 | Tahap 3 |
|---|---|---|---|
| Kawasan perhutanan | HSK Gunung Jerai & HSK Merbok | HSK Sungkop & HSK Bukit Perak | - |
| Tapak sejarah dan tapak arkeologi | - | Geotapak Jerai | - |
| Badan air (sungai) | Hulu Sungai Merbok & Sungai Muda | - | Hulu Sungai Merbok & Sungai Muda |
| Tanah tinggi dan pergunungan | Kawasan pergunungan Jerai (melebihi 1,000 meter) | Kawasan pergunungan Jerai (300-1,000 meter) | Kawasan bukit (150-300 meter) |
| Kawasan dataran banjir | - | - | Kawasan berhampiran jajaran Sungai Merbok & tanah rendah |
| Hakisan pantai | Hakisan tahap 5 | Hakisan tahap 3 | Hakisan tahap 1 & 2 |
| Zon risiko tsunami | - | - | Persisiran pantai di Kuala Muda (100-300 meter dari paras tertinggi air pasang perbani) |
| Tanah mendap | - | - | Kawasan pantai, bendang & sungai |
| Air bersih | - | Bahagian hulu Sungai Merbok, Sungai Muda & telaga tiub bawah tanah | - |
| Tenaga dan bahan binaan | - | - | Taburan beberapa lokasi yang menyimpan bijih besi, manganese dan nioblium-tantalum. |
| Makanan asas | Kawasan padi | - | - |

# TINDAKAN 3

## PENGURUSAN SUMBER PERHUTANAN SECARA MAMPAN

Mengezon Hutan Simpan Kekal (HSK) sebagai KSAS tahap 1 (kawasan perlindungan penuh) yang amat sensitif pada impak pembangunan. Cadangan ini selaras dengan RFN3-KD 1.1A (Kawasan Perlindungan) dan KD1.2A (KSAS Sebagai Asas Kawalan Pembangunan).




**Pelan Pengurusan HSK Merbok sebagai Rezab Biosfera Hutan Paya Bakau**

### Tindakan

**HSK Merbok**

- ✓ Menaiktaraf HSK Merbok sebagai tapak Biosfera ketiga negara - kaya dengan kepelbagaian biologikal dan bertindak sebagai makmal paya bakau untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan
- ✓ Bakau penting sebagai agen penebat ombak tsunami, penahan hakisan, tapak perikanan, bahan penyerap karbon dan sebagainya
- ✓ 42 daripada 60 spesis bakau di seluruh dunia, boleh ditemui dalam kawasan seluas 3,000 hektar itu
- ✓ Menyokong eko-pelancongan dan penduduk dan nelayan sekitar boleh melibatkan diri dalam program eko-pelancongan bersama komuniti







**HSK Gunung Jerai**

- ✓ Mengurus kawasan ini sebagai kawasan tadahan air dan perlindungan tanah (tanah tinggi dan kecerunan curam)
- ✓ Punca air Sungai Tupah dan Loji Rawatan Air Tupah terletak di riparian HSK Gunung Jerai

**HSK Sungkop dan Bukit Perak**

- ✓ Mengurus kawasan ini sebagai hutan pengeluaran dan mengamalkan kaedah yang sesuai seperti mengamalkan Selective Management System (SMS)
- ✓ Aktiviti pengeluaran hasil hutan perlu mengamalkan kepada rejim-rejim tebangan yang lebih fleksibel dan menepati tujuan pemeliharaan alam sekitar disamping mendapatkan faedah dari permintaan sumber kayu-kayan






# TINDAKAN 4

## PENGURUSAN KAWASAN PERSISIRAN PANTAI BERSEPADU

Antara langkah pengurusan kawasan persisiran pantai bersepadu yang digariskan adalah seperti berikut:

- Menggunapakai langkah-langkah perancangan dan kawalan di dalam Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara
- Menggalakkan tanaman semula pokok paya bakau di pantai yang mengalami hakisan tahap 4 dan 5
- Mengekalkan kawasan hutan bakau dan mengawal tebusguna tanah di kawasan hutan paya laut
- Kerja kejuruteraan pertahanan pantai seperti dinding penahan dan pemecah ombak
- Cadangan ini adalah selaras dengan RFN3-KD 2.2B (Kawasan Persisiran Pantai) dan Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara






**Tindakan bagi Hakisan Tahap 5:**

- ✓ Mengekalkan kawasan hutan bakau
- ✓ Menanam pokok bakau di kawasan berlumpur
- ✓ Menyediakan tebing penahan sebagai benteng pertahanan kejuruteraan pantai
- ✓ Menghadkan pembukaan tanah untuk ternakan akuakultur

**Petunjuk**

- Kedah Planning Unit 1
- Kawasan Risiko Tsunami
- Hakisan Pantai Tahap 5 (kritikal)
- Hakisan Pantai Tahap 3 (sederhana)
- Hakisan Pantai Tahap 2 (kaw. dilindungi)
- Hakisan Pantai Tahap 1 (stabil)

# CADANGAN 5

## PELAN PENGURUSAN PEMULIHARAAN WARISAN ARKEOLOGI DI LEMBAH BUJANG DAN SUNGAI BATU

Antara langkah pengurusan pemuliharaan warisan arkeologi yang digariskan adalah seperti berikut:

- Mengurus geotapak Jerai sebagai produk pelancongan warisan bertaraf KSAS tahap 2 (kawasan pembangunan terhad).
- Menjadikan Sungai Batu dan Lembah Bujang sebagai '*Core Zone*' kawasan warisan
- Menyediakan pelan pengurusan warisan di kawasan geotapak Jerai
- Menjalankan kajian pelan tindakan keupayaan daya tampungan pelancong di kawasan geotapak
- Menjalankan inventori tapak sebagai rekod sejarah untuk tujuan arkib.
- Mengawal pembangunan sekitar supaya sepadan dengan keadaan geotapak, pembangunan dibenarkan perumahan densiti rendah dan rekreasi/pelancongan
- Menyelidik dan menjalankan kerja ekskavasi untuk melengkapkan rekod tamadun Sungai Batu




**Lokasi**

1. Tapak Lembah Bujang di Bukit batu Pahat, Merbok
2. Tapak Arkeologi Sungai Batu di Kampung Permatang Samak, Jalan Pintasan Semeling

# TINDAKAN 6

## MEMPERTINGKATKAN BEKALAN 11KV KE KAWASAN-KAWASAN PERMINTAAN TENAGA ELEKTRIK TINGGI

Beberapa kawasan yang mempunyai permintaan bekalan elektrik yang tinggi dicadangkan untuk penambahan bekalan 11 KV seperti berikut:

| | Kawasan | Pembekalan Tenaga Elektrik |
|---|---|---|
| 1 | Laguna Merbok | Bekalan dari PPU Sungai Tukang (Industrial Area) ; 2 X 30 MVa |
| 2 | Taman Intan, Sungai Petani | Bekalan dari PMU Taman Intan yang mempunyai keupayaan stepping down kepada 11 kV |
| 3 | Kawasan Industri Sungai Petani (SPID) | Pencawang Pengagihan Utama (PPU) dalam pembinaan |
| 4 | Taman Bukit Banyan, Sungai Petani | PPU telah siap |
| 5 | Puteri Jaya, Sungai Petani | Cadangan PPU baru |




# TINDAKAN 7

## MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KECEKAPAN SISTEM SALIRAN DAN PERPARITAN

Antara tindakan utama dalam meningkatkan keupayaan dan kecekapan sistem saliran dan perparitan bagi Daerah Kuala Muda adalah seperti berikut:

1. *River Channel Improvement*
2. Pembinaan Pintu Kawalan Pasang Surut Sungai Sungai Petani Bersama Pam Berkapasiti Tinggi
3. E-Banjir Lembangan Sg. Merbok
4. Pembinaan River Mouth Development Sg. Merbok
5. Pembinaan Loji Rawatan Biologi Air Sisa
6. Pembinaan Kolam Takungan Banjir Bandar Sungai Petani
7. Pendekatan Rekabentuk OSD, SPAH & *Control at Source* (Part Of MSMA)
8. Penguatkuasaan Pemasangan Perangkap Sisa Makanan, Minyak Dan Gris Serta *Trash Screen* Pada Semua Outlet Memasuki Sungai Sungai Petani
9. Pendekatan Rekabentuk Bio Ekologikal *(Part Of MSMA)*



# PETA CADANGAN GUNA TANAH 2035



# PETA CADANGAN GUNA TANAH DRTDKM, KEDAH 2035




| Gunatanah Cadangan 2035 | Keluasan (Hektar) | | | | Jumlah Perbezaan (Hektar) |
|---|---|---|---|---|---|
| | Semasa 2017 | % | 2035 | % | |
| Perumahan | 6,226.08 | 6.71 | 20,865.75 | 22.48 | 14,639.67 |
| Komersial | 531.33 | 0.57 | 1,328.23 | 1.43 | 796.90 |
| Industri | 1,857.16 | 2.00 | 3,297.79 | 3.55 | 1,440.63 |
| Institusi dan Kemudahan Masyarakat | 2,014.54 | 2.17 | 3,450.67 | 3.72 | 1,436.13 |
| Tanah Lapang dan Rekreasi | 1,353.61 | 1.46 | 1,408.69 | 1.52 | 55.08 |
| Pengangkutan | 4,873.58 | 5.25 | 5,493.55 | 5.92 | 619.97 |
| Infrastruktur dan Utiliti | 2,011.10 | 2.17 | 2,060.75 | 2.22 | 49.65 |
| Pertanian | 53,981.17 | 58.15 | 39,759.50 | 42.83 | -14,221.67 |
| Tanah Kosong | 3,800.29 | 4.09 | - | - | - |
| Badan Air | 3,181.38 | 3.43 | 3,181.38 | 3.43 | - |
| Hutan | 12,921.79 | 13.92 | 12,921.79 | 13.92 | - |
| Pantai | 83.35 | 0.09 | 83.35 | 0.09 | - |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **92835.39** | **100.00** | **92,835.39** | **100.00** | |

# BLOK PERANCANGAN 1




# BLOK PERANCANGAN 2



# BLOK PERANCANGAN 3




- Lebuhraya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi
- Sempadan BP
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuhraya NKE
- Jalan Baru 40m
- Jalan Baru 30m
- Jalan Baru 20m
- Naiktaraf Jalan 40m
- Naiktaraf Jalan 30m
- Naiktaraf Jalan 20m

# BLOK PERANCANGAN 4




- Lebuhraya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi
- Sempadan BP
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuhraya NKE
- Jalan Baru 40m
- Jalan Baru 30m
- Jalan Baru 20m
- Naiktaraf Jalan 40m
- Naiktaraf Jalan 30m
- Naiktaraf Jalan 20m

# BLOK PERANCANGAN 5




# BLOK PERANCANGAN 6-11



# BLOK PERANCANGAN 12




# BLOK PERANCANGAN 13



# BLOK PERANCANGAN 14




- Lebuhraya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi
- Sempadan BP
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuhraya NKE
- Jalan Baru 40m
- Jalan Baru 30m
- Jalan Baru 20m
- Naiktaraf Jalan 40m
- Naiktaraf Jalan 30m
- Naiktaraf Jalan 20m

# BLOK PERANCANGAN 15




- Lebuhraya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi
- Sempadan BP
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuhraya NKE
- Jalan Baru 40m
- Jalan Baru 30m
- Jalan Baru 20m
- Naiktaraf Jalan 40m
- Naiktaraf Jalan 30m
- Naiktaraf Jalan 20m

## BLOK PERANCANGAN 16








DRAF RANCANGAN TEMPATAN
Daerah Kuala Muda
2035
(PENGGANTIAN)